

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA SIRI 3 KUTKM 2006
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

TEMPAT:

**KAMPUNG BARU SUNGAI TELOR
KOTA TINGGI, JOHOR**

TARIKH :

16 JUN 2006

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS
PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA SIRI 3 KUTKM
2006 BERTEMPAT DI KAMPUNG BARU SUNGAI
TELOR, KOTA TINGGI, JOHOR PADA 16 JUN 2006
JAM 4.30 PETANG

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Y.B DATUK DR ADHAM BIN BABA

SETIAUSAHA PARLIMEN

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR ^{BIN} HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

YANG DIHORMATI KETUA-KETUA MASYARAKAT,
AHLI-AHLI JAWATANKUASA PENDUDUK

SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA
HORMATI

ALHAMDULILLAH, PERTAMANYA MARILAH KITA
MEMANJATKAN KESYUKURAN KEPADAL ^O ALLAH
SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA MAKA
DIBERI KESEMPATAN KEPADA KITA BERTEMU PADA
HARI INI BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS
PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA SIRI 3 KUTKM
DI KAMPUNG BARU SUNGAI TELOR, KOTA TINGGI,
JOHOR INI. SEMOGA PROGRAM YANG AKAN

BERLANGSUNG SELAMA 5 HARI INI BENAR-BENAR MANCAPAI MATLAMATNYA.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN PENGHARGAAN KEPADA Y.B DATUK DR ADHAM BIN BABA, SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI KERANA SUDI HADIR PADA MAJLIS YANG SANGAT BERMAKNA INI. Y.B DATUK DR ADHAM BIN BABA SENTIASA MENUNJUKKAN KOMITMEN DALAM APA JUA PROGRAM PELAJAR YANG DILAKSANAKAN OLEH MAHASISWAI KUTKM. IA ADALAH SATU PERANGSANG KEPADA MAHASISWAI KUTKM UNTUK TERUS MENGANJURKAN PROGRAM-PROGRAM KEMASYARAKATAN INI.

UNTUK PENGETAHUAN HADIRIN, PROGRAM ANAK ANGKAT BAKTI SISWA YANG DIANJURKAN HARI INI MERUPAKAN SIRI YANG KE 3 YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI BAGI

TAHUN 2006. SEBELUM PROGRAM BAKTI SISWA INI DIADAKAN DI KOTA TINGGI INI, BAKTI SISWA JUGA TELAH DIADAKAN DI NEGERI SEMBILAN DAN KELANTAN.

YB DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

PROGRAM INI DIADAKAN ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA MAHASISWAI KUTKM MENJALINKAN HUBUNGAN SILATURRAHIM DENGAN PENDUDUK SETEMPAT. IA DIHARAP DAPAT MEMBERI RUANG DAN KESEMPATAN KEPADA MAHASISWAI UNTUK BERINTERAKSI SERTA MENDALAMI KEHIDUPAN SOSIAL PENDUDUK SETEMPAT YANG TERDIRI DARI PELBAGAI LAPISAN MASYARKAT DAN PERINGKAT USIA, SAMA ADA TUA ATAU MUDA.

PROGRAM KEMASYARAKATAN INI PENTING UNTUK DILAKSANAKAN TIDAK SAHAJA OLEH KUTKM TETAPI JUGA OLEH IPTA DAN IPTS LAIN. PROGRAM SEPERTI INI DAPAT MENDEKATKAN MAHASISWAI DENGAN MASYARAKAT SEKITARNYA. IA MENJADI JAMBATAN PENGHUBUNG ANTARA MAHASISWAI DENGAN MASYARAKAT, KHUSUSNYA DENGAN PENDUDUK DESA. MAHASISWAI KUTKM SENTIASA BERSEDIA UNTUK BERTUKAR PANDANGAN DAN MENERIMA PENGALAMAN BARU BAGI MEMANTAPKAN SAHSIAH MEREKA.

YB DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

MAHASISWAI HARI INI PERLU DIDEHAHKAN DENGAN KEHIDUPAN SEBENAR MASYARAKATNYA SUPAYA MEREKA DAPAT MENGENALI IDENTITI BANGSANYA. BANGSA MALAYSIA ADALAH TERDIRI DARI PELBAGAI KAUM DAN LAPISAN MASYARAKAT. SETIAP PADA KAUM DAN MASYARAKAT TERSEBUT

MEMPUNYAI IDENTITINYA SENDIRI SAMA ADA DALAM BENTUK KEBUDAYAAN MAHUPUN CARA HIDUP. MISALNYA MASYARAKAT CINA MENGAMALKAN BUDAYANYA YANG TERSENDIRI. BEGITU JUGA DENGAN MASYARAKAT MELAYU.

MALAH SESUATU MASYARAKAT TERSEBUT MEMPUNYAI TRADISI DAN BUDAYA YANG BERBEZA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI. MISALNYA ORANG MELAYU MELAKA LEBIH TERKENAL DENGAN PANTUN DAN DONDANG SAYANG. MANAKALA ORANG MELAYU JOHOR LEBIH DIKENALI DENGAN TARIAN ZAPIN. BEGITU JUGA DI KELANTAN YANG TERKENAL DENGAN DIKIR BARAT DAN WAYANG KULIT. KESEMUANYA INI MEMBENTUK MASYARAKAT MALAYSIA YANG HARMONI, SALING BERTOLEN RASI DAN HORMAT-MENGHORMATI ANTARA SATU DENGAN YANG LAIN.

YB DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

YB DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

BAKTI SISWA KALI INI DISERTAI OLEH MAHASISWA/I KUTKM YANG TIDAK SAHAJA DARI SEMENANJUNG TETAPI JUGA DARI SABAH DAN SARAWAK. SELAIN ITU TERDAPAT JUGA BANGSA LAIN SEPERTI CINA DAN INDIA YANG TURUT SERTA MENGIKUTI PROGRAM BAKTI SISWA DI KOTA TINGGI INI.

SEHUBUNGAN ITU PROGRAM SEPERTI INI DAPAT MEMBERI KESEMPATAN TIDAK SAHAJA KEPADA MAHASISWA/I UNTUK MENDALAMI CARA HIDUP MASYARAKAT DI SINI, TETAPI JUGA PENDUDUK SETEMPAT JUGA BERPELUANG UNTUK LEBIH MEMAHAMI AKAN BUDAYA DAN CARA HIDUP MASYARAKAT BANGSA LAIN.

YB DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

PROGRAM BAKTI SISWA INI TELAH MEMBERI PENGALAMAN BARU KEPADA MAHASISWA/I KUTKM

YANG TERDIRI DARI PELBAGAI BANGSA DAN NEGERI UNTUK MEMPELAJARI BAHASA DAN BUDAYA SETEMPAT. MISALNYA BAKTI SISWA YANG DIADAKAN DI KELANTAN DAN NEGERI SEMBILAN SEBELUM INI TELAH MEMBERI KESEMPATAN KEPADA MAHASISWA/I KUTKM YANG BERASAL DARI PELBAGAI BANGSA DAN NEGERI MEMPELAJARI DIALEK BAHASA, PERTUTURAN DAN KEHIDUPAN MASYARAKAT DI SANA.

HARAPAN SAYA, SEMOGA BAKTI SISWA YANG DIADAKAN DI KOTA TINGGI INI DAPAT MENAMBAHKAN LAGI PENGALAMAN MANIS YANG TIDAK TERNILAI KEPADA MAHASISWA/I KUTKM. BAKTI SISWA DI KOTA TINGGI INI PASTINYA MEMPUNYAI KEUNIKAN DAN MEMORINYA YANG TERSENDIRI.

YB DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

MELALUI PROGRAM BAKTI SISWA INI, MAHASISWA/I KUTKM TIDAK SAHAJA LEBIH MENDEKATI MASYARAKAT SEKITARNYA MALAH LEBIH PEKA DAN MENJIWAI KEHIDUPAN SESEBUAH MASYARAKAT YANG DIKUNJUNGI. IA AMAT PENTING DALAM USAHA KITA MENGEKALKAN IDENTITI BANGSA DAN MEMPERKUKUHKANNYA DI KALANGAN GENERASI MUDA. MEMAHAMI KEHIDUPAN MASYARAKAT YANG BERADA DI DALAM NEGARA ADALAH AMAT PENTING SUPAYA KITA DAPAT MELAHIRKAN MASYARAKAT PELAJAR YANG MANTAP DARI SEGI PEMIKIRAN DAN SPRITUAL.

PERPADUAN DAN INTERGRASI ANTARA KAUM SERTA NEGERI MAMPU DIWUJUD MELALUI PROGRAM INI. SESUNGGUHNYA PERPADUAN DAN INTERGRASI ANTARA KAUM DAN DAERAH TIDAK DAPAT DIBINA DALAM MASA SEHARI. IA MEMERLUKAN PERSEFAHAMAN YANG TINGGI SERTA KEIKHLASAN UNTUK MENERIMA ORANG

LAIN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA KEHIDUPANNYA. PROGRAM BAKSIS INI DILIHAT MAMPU MENJADI ALAT BAGI MELAKSANAKAN AGENDA PERPADUAN YANG SANGAT PENTING INI.

YB DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

MAHASISWA/I ADALAH PENGGERAK KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA. MEREKA ADALAH MODAL INSAN YANG DIBENTUK OLEH NEGARA BAGI MEMACU KEMAJUAN NEGARA PADA MASA HADAPAN. DENGAN MEMPERKAYAKAN MAHASISWA/I UNIVERSITI HARI INI UNTUK LEBIH DEKAT MENGENALI AKAN ADAT DAN BUDAYA BANGSANYA. MAKA INSYAALLAH PEMBANGUNAN NEGARA PADA MASA HADAPAN AKAN LEBIH MAMPAN DAN LEBIH MAJU. PEMBANGUNAN NEGARA PADA MASA HADAPAN AKAN DIBINA BERDASARKAN ACUAN KITA SENDIRI IAITU BERLANDASKAN PEMBANGUNAN YANG

BERAKSIKAN KEPADA PRINSIP DAN JIWA BANGSANYA.

DALAM DUNIA YANG SEMAKIN GLOBAL DAN TIDAK MENGENAL SEMPADAN, MAHASISWAI TIDAK BOLEH KELIRU AKAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG HENDAK DIBAWANYA. MEREKA PERLU CELIK UNTUK MENILAI SERTA MENGAMALKAN BUDAYA HIDUP SIHAT YANG SENTIASA MENJADI PEGANGAN MASYARAKAT TERUTAMANYA DI DESA. KEMAJUAN YANG HENDAK DICAPAI TIDAK BOLEH MENGORBANKAN KEHIDUPAN HARMONI YANG DIKECAPI SEKARANG. SIFAT PERMUAFAKATAN DAN SALING MEMENTINGKAN SEMANGAT PERSAUDARAAN PERLU DITELADANI UNTUK MENJADIKAN MEREKA SENTIASA DIHORMATI DAN DISEGANI.

YB DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

DI KESEMPATAN INI JUGA SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PENDUDUK KAMPUNG SUNGAI TELOR. KAMPUNG BARU SUNGAI TELOR DAN KAMPUNG SRI JAYA, KOTA TINGGI, JOHOR KERANA SUDI MENERIMA KAMI MENGADAKAN PROGRAM BAKTI SISWA INI. BANTUAN, SOKONGAN DAN KERJASAMA DARI SEMUA PENDUDUK KAMPUNG AMAT KAMI HARGAI.

KAMI TERLEBIH DAHULU DENGAN RASA RENDAH HATI MEMOHON KEMAAFAN DARI SEMUA PENDUDUK KAMPUNG TERUTAMANYA KEPADA KELUARGA ANGKAT SEKIRANYA AKAN ADA KESALAHAN DAN KESILAPAN YANG DILAKUKAN OLEH ANAK DIDIK KAMI.

SEKIRANYA ADA PERKARA YANG KURANG SENANG DILAKUKAN OLEH MEREKA, SAYA MOHON SUPAYA DITEGUR. MEREKA TERLALU MUDA DAN MASIH

MENTAH UNTUK MENGHARUNGI KEHIDUPAN YANG MENCABAR INI. MAAFKANLAH MEREKA DAN ANGGAPLAH MEREKA INI SEBAGAI ANAK YANG SENTIASA DAHAGAKAN TEGURAN SEPERTI ANAK SENDIRI.

AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA SEMUA PIHAK YANG MENJAYAKAN PROGRAM BAKTI SISWA INI TERUTAMANYA KEPADA Y.B DATUK DR ADHAM BIN BABA KERANA SUDI HADIR BERSAMA DENGAN WARGA KUTKM DAN PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG DI SINI. KOMITMEN DAN KEPRIHATINAN Y.B DATUK SENTIASA KAMI HARGAI DENGAN UCAPAN TERIMA KASIH.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH
WASALAMUALIKUM W.B.T.